

07/06/1998

Usah biarkan kegawatan menjadi barah

ALOR STAR: Rakyat diseru memelihara keamanan dengan tidak menjadikan kegawatan ekonomi sebagai barah yang melarat kepada kegawatan politik kerana hanya dengan keamanan, masalah itu mampu diatasi.

Sehubungan itu, rakyat diseru berdiri teguh di belakang kepemimpinan negara bagi membantu usaha kerajaan mengatasi masalah berkenaan, selain mengamalkan sifat berdikari, terutama dari aspek pertanian.

Rakyat juga tidak seharusnya berputus asa dalam menghadapi cabaran hebat kegawatan ekonomi negara, sebaliknya mereka harus sentiasa bersedia melakukan reformasi dalam sistem ekonomi keluarga, masyarakat dan negara.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba, berkata ada tiga kaedah yang mampu membawa masuk kewangan daripada luar negara, iaitu pelancongan, meminjam wang dari institusi kewangan antarabangsa dan menarik lebih ramai pelabur asing menanam modal.

Bagaimanapun, katanya, usaha terbabit tidak akan berjaya jika rakyat berpecah-belah, saling menyalahkan antara satu sama lain dan berperang kerana kegawatan politik yang berpunca daripada kegawatan ekonomi.

"Tidak ada pelancong atau institusi kewangan antarabangsa atau pelabur asing yang akan membawa wang mereka ke negara ini jika negara kita tidak aman.

"Jangan sampai kegawatan ekonomi sekarang melarat hingga kepada kegawatan politik," katanya selepas merasmikan Seminar Pembangunan Ekonomi Kedah, di sini semalam.

Majlis anjuran Umno Kedah itu dihadiri kira-kira 1,000 pemimpin Umno negeri, pengurus institusi kewangan dan usahawan, selain Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid.

Ia adalah antara program penjelajahan Ghafar ke seluruh negara bagi memberikan penjelasan mengenai kegawatan ekonomi kepada rakyat.

Dengan mengambil contoh sebuah rumah yang sedang terbakar, Ghaffar berkata, penghuni rumah itu tidak sepatutnya bertelagah menyalahkan antara satu sama lain tetapi yang harus dilakukan ialah berusaha memadamkan kebakaran.

"Insya-Allah dengan usaha kerajaan hari ini di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, saya yakin kebakaran itu boleh dipadamkan... insya-Allah masin mulut saya, kita akan berjaya," katanya.

(END)